



## Minda

**Datuk Dr Choo Yuen May**  
**KETUA PENGARAH MPOB**

**S**EBAGAI pembuka tirai Minda Ketua Pengarah MPOB, saya ingin menyentuh peranan dan hala tuju industri sawit untuk menjayakan misi nasional. Industri sawit adalah satu bidang di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dikenal pasti untuk menyokong usaha kerajaan ke arah negara maju menjelang 2020. Industri sawit disasar menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM178 bilion pada tahun 2020 berbanding paras semasa RM50 bilion.

Bagi menyokong sasaran ini, lapan entry point projects (EPP) dipersetujui di mana satu daripadanya adalah pembangunan loji biogas bagi memproses bahan buangan kilang sawit. Kilang sawit berpotensi menjana tenaga elektrik daripada pemerangkapan biogas dihasilkan sisa buangan kilang sawit bagi membekal tenaga kepada grid nasional atau kegunaan sendiri. Program ini berpotensi menyumbang GNI RM2.9 bilion menjelang 2020 dari usaha sebanyak 250 kilang sawit seluruh Malaysia. Perkara ini juga dimaklumkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, sewaktu merasmikan dialog dengan industri sawit mengenai penjana tenaga boleh diperbaharui (renewable energy) dari kilang sawit di Sabah baru-baru ini.

Sabah adalah negeri pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia dan mempunyai 120 kilang sawit. Secara agregat, ia berupaya menjana 60 MW tenaga elektrik dari biogas untuk disambung ke grid nasional. Langkah ini juga akan dapat memperlengkapkan usaha kerajaan menangani masalah tenaga khususnya di Sabah.

Penjana tenaga boleh diperbaharui dari sisa buangan sawit selaras penekanan kerajaan terhadap penggunaan tenaga hijau bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga dari sumber fosil.

Satu lagi perkembangan penting berkaitan pembangunan tenaga hijau ialah pelaksanaan Program B5 secara mandatori secara berfasa bermula di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka mulai Jun 2011. Program B5 adalah adunan lima peratus ester metil sawit dengan 95 peratus diesel petroleum. Program ini memanfaatkan negara dari segi penggunaan biobahan api mesra alam serta mengurangkan kebergantungan terhadap diesel petroleum. Pelaksanaan penggunaan adunan biobahan api juga membuktikan kepada masyarakat dunia komitmen dan keprihatinan Malaysia bagi menangani isu pemanasan global dan memberi imej positif kepada industri sawit negara. Di samping itu, pelaksanaan Program B5 juga memperkukuhkan harga minyak sawit dan membolehkan pengusaha sawit terutama pekebun kecil meraih faedah daripada pengukuhan harga komoditi itu.

Kerajaan menunjukkan komitmen terhadap pembangunan aktiviti mesra alam termasuk penjana tenaga dari sumber boleh diperbaharui dengan penyediaan insentif. Ini termasuk taraf perintis, pengecualian cukai pendapatan dari sijil Certified Emission Reduction (CERs). Selain itu, kerajaan sedang menimbang mekanisma Feed-in Tariff bagi merangsang aktiviti pengeluaran tenaga dari sumber boleh diperbaharui.

Pihak industri, MPOB dan kerajaan perlu berganding bahu menggerakkan sumbangan industri kepada pertumbuhan ekonomi negara serta menunjukkan industri adalah mesra alam dan mapan.  
- [choo@mpob.gov.my](mailto:choo@mpob.gov.my)

### BERITA SAWIT



**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**

N0 6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43600 Kajang, Selangor.  
Tel: 03-87694400, 87694835  
Faks: 03-89264572

E-mel: [beritasawit@mpob.gov.my](mailto:beritasawit@mpob.gov.my)





## Minda

Datuk Dr Choo Yuen May  
KETUA PENGARAH MPOB

INDUSTRI sawit negara perlu sentiasa peka terhadap perkembangan dan cabaran yang boleh menggugat daya saing, antaranya berkaitan pengeluaran sawit mapan. Kemapanan produk sawit sering dipersoalkan oleh pihak tertentu dan adakala perundangan yang tidak adil kepada minyak sawit yang dikuatkuasakan oleh negara tertentu. *Renewable Energy Directive*, Perundangan Kesatuan Eropah menetapkan pengeluaran biofuel perlu mempunyai pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sekurang-kurangnya 35 peratus berbanding dengan bahan api fosil. Perundangan ini juga menetapkan nilai default pengurangan GHG bagi biodiesel sawit yang lebih rendah iaitu 19 peratus.

Malaysia telah menyatakan pendirian bahawa nilai *default* bagi penjimatan GHG pengeluaran biodiesel sawit adalah terlalu rendah berbanding nilai sebenar. Justeru, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, YB Tan Sri Bernard Dompok dalam rangka lawatan ke Eropah baru-baru ini sekali lagi membangkitkan isu asas pengiraan nilai *default* semasa pertemuan dengan Pesuruhjaya Eropah di Brussels yang turut disertai oleh wakil Indonesia.

Suruhanjaya Kesatuan Eropah dalam proses semakan semula angka penjimatan GHG berasaskan data yang dikemukakan kepada Pusat Penyelidikannya *Joint Research Centre* (JRC) oleh Malaysia dan negara-negara lain yang terlibat dalam sektor biobahan api. Kesatuan Eropah bersedia mempertimbangkan asas saintifik dan data teknikal yang dikemuka oleh Malaysia bagi semakan semula peraturan berkenaan.

Kesatuan Eropah merupakan pasaran penting minyak sawit Malaysia. Pada 2009, Kesatuan Eropah mengimport 1.89 juta tan minyak sawit, 0.10 juta tan isirong sawit dan 1.37 juta tan dedak isirong sawit dari Malaysia.

Selain peraturan mengenai pengeluaran biobahan api, aspek pembangunan mapan minyak sawit Malaysia yang menekankan kepentingan alam sekitar dan keseimbangan 3P (*People, Planet and Profit*) juga diberi perhatian di pasaran Kesatuan Eropah.

Industri sawit masih berdepan dengan tindakan pihak-pihak tertentu yang melemparkan tuduhan kononnya industri sawit menyumbang terhadap penerokaan hutan tropika yang menjelaskan habitat serta spesies haiwan. Walaupun fakta bahawa penanaman sawit di Malaysia terhad di kawasan tanah yang dikhaskan untuk pertanian dan negara mempunyai lebih 50 peratus keluasan hutan simpanan dan kawasan perlindungan hidupan liar telah berulang kali dikemukakan dalam pelbagai forum antarabangsa, persoalan ini terus ditimbulkan.

Dalam konteks ini, tindakan untuk membuat *engagement* dengan *stakeholder* secara berterusan dalam mempertahankan perdagangan minyak sawit adalah amat penting bagi memastikan pasaran sawit tidak terjejas. Kita perlu mengatur strategi termasuk melalui penggunaan data saintifik dan hujah perundangan bagi mewujudkan peraturan perdagangan yang lebih adil bagi minyak sawit. Dengan ini, dapatlah kita meyakinkan dunia bahawa minyak sawit dihasilkan secara mapan dan sumber pemakanan yang selamat untuk manusia sejagat.

- [choo@mpob.gov.my](mailto:choo@mpob.gov.my)

## BERITA SAWIT



### Lembaga Minyak Sawit Malaysia

NO 6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43600 Kajang, Selangor.  
Tel: 03-87694400, 87694835  
Faks: 03-89264572

E-mel: [beritasawit@mpob.gov.my](mailto:beritasawit@mpob.gov.my)